

Headline	BAT Malaysia diiktiraf Majikan Terbaik 2018		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	19 Dec 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	160,000
Page No	11	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	178 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,036
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,109



## BAT Malaysia diiktiraf Majikan Terbaik 2018



Memiliki lebih 1,000 tenaga pekerja, BAT Malaysia dan Perkhidmatan Perniagaan Global BAT diiktiraf majikan terbaik pertama di rantau Asia Pasifik kerana menepati piawaian ditetapkan Institut Majikan Terbaik.

**SHAH ALAM** - British American Tobacco (BAT) Malaysia dan Perkhidmatan Perniagaan Global BAT telah diperakui secara rasminya sebagai Majikan Terbaik untuk 2018 di Malaysia.

Pengiktirafan daripada Institut Majikan Terbaik itu sekali gus mengembalikan semula kedudukan mereka sebagai majikan pilihan yang mengutamakan pekerjanya.

Pengarah urusannya, Erik Stoen berkata, pengiktirafan sama turut dianugerahkan

kepada tiga cawangan BAT lain termasuk di Indonesia, Australia dan Jepun, sekali gus meletakkan kumpulan syarikat itu majikan terbaik di rantau Asia Pasifik 2018.

"Pekerja kita adalah landasan kejayaan syarikat, dan kita komited mewujudkan persekitaran yang mampu memberangsang perkembangan bakat dan potensi mereka.

"Pengiktirafan ini sudah tentu beri kebanggaan buat seluruh warga syarikat terutama jabatan sumber ma-

nusia di BAT Malaysia, selain menjadi inspirasi kami terus mewujudkan suasana yang baik untuk pekerja," katanya dalam kenyataan, semalam.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Institut Majikan Terbaik, David Plink berkata, melalui penyelidikan dijalankan, BAT Malaysia dan Perkhidmatan Perniagaan Global BAT berjaya menyediakan pelbagai inisiatif dan persekitaran pekerjaan yang cemerlang buat warga kerjanya.